



LIHAT...Sultan Ahmad Shah (kanan) melihat model KWRC di Tanjung Lumpur.

KWRC tak jejas penempatan penduduk

KUANTAN: Pembangunan projek Kuantan Waterfront Resort City (KWRC) di Tanjung Lumpur, di sini, yang bernilai RM1.6 bilion dijamin tidak akan menjejaskan penempatan penduduk di kawasan berkenaan.

Jaminan itu dibuat Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yakob itu sekurang-kurangnya melenyapkan kegusaran penduduk tempatan terutamanya di Kampung Tanjung Lumpur yang bimbang mereka akan disuruh berpindah bagi memberi laluan kepada projek berkenaan.

Katanya, pembangunan projek berkenaan menggu-

nakan kaedah tebus guna tanah seluas 202 hektar dan pastinya tidak membabitkan pengambilan tanah sedia ada.

"Penduduk tempatan tidak perlu gusar kerana tiada seorang pun antara mereka diminta berpindah dan juga tidak berlaku aktiviti pengambilan tanah.

"Jadi mereka tidak perlu bimbang kerana projek ini bakal memberi kemudahan dan kelebihan kepada penduduk setempat," katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan Projek KWRC Tanjung Lumpur di Hotel Zenith,

di sini, semalam.

Pada majlis itu, Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah berkenan berangkat menyaksikan majlis menandatangani perjanjian berkenaan antara kerajaan negeri dengan syarikat hartanah, Newston International Group Sdn Bhd (Newston).

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail dan Pengarah Projek, Tan Sri James Foong Cheng Yuen.

KWRC akan dibangunkan Newston yang dijangka memulakan projeknya menjelang pertengahan tahun depan.